

Platform graduan cari kerja

Serdang: Inisiatif Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Ekspo Kerjaya, Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan dilihat mampu menjadi platform kepada graduan mendapat peluang pekerjaan mengikut bidang kemahiran masing-masing.

Ekspo yang dianjurkan Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) UPM setiap tahun itu ternyata mendapat sambutan menggalakkan bukan sahaja dalam kalangan graduan UPM sendiri, malah menarik minat lepasan siswazah dari institusi pengajian tinggi lain yang turut mengambil bahagian.

Sementara itu, Timbalan Naib Cancellor UPM Datuk



DR Mohammad Shatar (kiri) pada Eskpo Kerjaya di Dewan Besar UPM, Serdang, Selangor.

Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, penganjuran ekspo itu selaras dengan misi universiti terbabit un-

tuk mencapai sasaran sebanyak 80 peratus graduan mendapat pekerjaan ketika konvokesyen tahun ini.

HARIAN METRO
19/5/2016 P.46